Lee Won Kyu lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — RAYUAN JENAYAH NO JA-41S-12–10 TAHUN 2017
MAT GHANI PK
30 DISEMBER 2018

Kastam dan Eksais — Barang-barang tak berkastam — Mengangkut — Sama ada wang terjumlah kepada barang di bawah s 3 Akta Kastam 1967 — Sama ada mata wang termasuk dalam kategori barang larangan — Sama ada anggapan di bawah s 119 Akta Kastam 1967 terpakai bagi kesalahan di bawah peraturan 17(1)(a) — Sama ada perayu melakukan kesalahan — Sama ada terdapat pelanggaran peraturan 17 — Sama ada pendakwaan gagal membuktitkan niat mengelak daripada mana-mana peruntukan Akta Kastam 1967 — Sama ada hukuman berlebihan

Undang-Undang Jenayah — Akta Kastam (Malaysia) — s 135 — Perayu disabitkan bersalah oleh majistret bagi kesalahan di bawah s 135(1)(e) Akta Kastam 1967 — Perayu dijatuhkan hukuman denda dan jika gagal bayar dua tahun penjara — Majistret memerintahkan agar barang kes dilucuthak — Perayu merayu terhadap sabitan dan hukuman — Sama ada mata wang tidak termasuk dalam kategori barang larangan — Sama ada anggapan di bawah s 119 Akta Kastam 1967 terpakai bagi kesalahan dibawah peraturan 17(1)(a) — Sama ada perayu melakukan kesalahan — Sama ada terdapat pelanggaran peraturan 17 — Sama ada pendakwaan gagal membuktitkan niat mengelak daripada mana-mana peruntukan Akta Kastam 1967 — Sama ada hukuman berlebihan

Ini merupakan rayuan yang difailkan oleh perayu atas keputusan majistret yang mensabitkan perayu dengan satu kesalahan di bawah s 135(1)(e) Akta Kastam 1967 ('Akta') dan menjatuhkan hukuman denda RM220,000 jika gagal bayar dua tahun penjara dan memerintah agar barang kes dilucuthak. Fakta kes adalah bahawa perayu telah memandu kenderaan di laluan merah dari Singapura yang mana SP7 telah menahan dan memeriksa kenderaan tersebut. Hasil pemeriksaan mendapati terdapat wang tunai Ringgit Malaysia berjumlah RM110,000 yang disimpan dalam bahagian berzip bagasi yang ditemui di dalam *boot* kereta yang dipandunya. SP7 mengesahkan bahawa beliau tidak bertanya kepada perayu sama ada mahu mengikrarkan apa-apa wang atau menawarkan borang K22 untuk diisi. Tiga isu utama yang diketengahkan oleh perayu adalah: (a) sama ada majistret terkhilaf dan tersalah arah dalam memutuskan bahawa pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie walaupun ingredien-ingredien pertuduhan tidak dibuktikan

A oleh pihak pendakwaan; (b) sama ada majistret telah gagal memberikan 'weightage' yang sewajarnya kepada keterangan perayu dalam peringkat pembelaan; dan (c) sama ada majistret tersalah arah dan terkhilaf apabila gagal mengambil kira faktor-faktor relevan dalam mengenakan hukuman kepada perayu.

B

Diputuskan, membenarkan rayuan dan melepas dan membebaskan perayu dari pertuduhan:

(1) Perayu tidak boleh disabitkan dengan kesalahan di bawah mana-mana C peruntukan kesalahan s 135 Akta. Ini kerana definisi barangan di bawah s 2 Akta tersebut mengenai barang yang menyebut "goods' includes animals, birds, fish, plants and all kinds of *movable property*'. Tuan majistret telah tersalah arah apabila membuat andaian bahawa wang tunai adalah 'goods'. Ini kerana wang tunai (*currency*) dirangkumi dalam D ertikata 'movable property' tidak dijelaskan dalam Akta Kastam 1967. Tetapi apabila dirujuk kepada Sale of Goods Act jelas menyatakan bahawa 'moveable property does not include currency' (lihat perenggan 16).

E (2) Semua barang *dutiable* dan *prohibited* diliputi dalam peraturan 17(1)(a) manakala matawang adalah diliputi dalam peraturan 17(1)(b). Pengasingan dua perkara ini jelas menunjukkan bahawa niat Parlimen beranggapan bahawa mata wang (*currency*) tidak termasuk dalam kategori barang larangan (*prohibited goods*) tetapi ia merupakan kategori F tersendiri (lihat perenggan 19).

(3) Perbuatan perayu yang tidak mengikrarkan mata wang Ringgit Malaysia apabila ingin membawa masuk matawang ke negara ini, sekiranya melebihi jumlah bersamaan USD10,000 tidak menzahirkan apa-apa kesalahan di bawah s 135 Akta sebagaimana pertuduhan. Oleh itu, tuan G majistret terkhilaf apabila memutuskan bahawa pendakwaan telah membuktikan satu kes prima facie di akhir kes pendakwaan (lihat perenggan 26).

H (4) Berdasarkan *second limb* dalam s 135(1)(e) Akta, adalah jelas bahawa pendakwaan hendaklah membuktikan ingredien 'evade any provision of this Act'. Akan tetapi di dalam kes ini apa-apa pelanggaran dalam peraturan 17(1)(b) bukan merupakan pelanggaran terhadap Akta ini justeru pertuduhan adalah cacat dimana pendakwaan gagal menepati ingredien kesalahan tersebut (lihat perenggan 35).

I (5) Anggapan di bawah s 119 Akta tidak beroperasi terhadap perayu kerana beban di bawah s 119 Akta hanyalah untuk tertuduh membuktikan bahawa duti telah dibayar ataupun barang diimport secara sah. Dalam kes ini, penekanan pendakwaan adalah bahawa perayu gagal mengikrar

wang tersebut dan ia tidak mencetuskan isu pembayaran duti ataupun isu pengimportan secara sah atau tidak (lihat perenggan 41).

(6) Perintah untuk melucuthakkan seluruh RM110,000 adalah dianggap hukuman yang berlebihan kerana berdasarkan kehendak peraturan 17(1)(b), hanya apabila wang tunai yang dibawa adalah melebihi USD10,000 barulah kewajipan untuk mengisi Borang K22 timbul. Dalam kes semasa, wang tunai yang disita daripada perayu adalah RM110,000 iaitu terdapat lebihan RM70,000 daripada had yang ditetapkan. Oleh itu, *non-compliance* hanyalah terhadap lebihan RM70,000. Baki RM40,000 merupakan had maksimum yang boleh dibawa tanpa mengikrarkan dalam Borang K22 (lihat perenggan 42).

[Bahasa Malaysia summary

This was an appeal filed by the appellant against the decision of the magistrate which convicted the accused for an offence under s 135(1)(e) of the Customs Act 1967 ('the said Act') and sentenced a fine of RM220,000 failing which two years imprisonment and ordered that the case items be forfeited. The facts of the case was that the appellant was driving a vehicle in the red passage from Singapore where PW7 had stopped and inspected the said vehicle. A result of the inspection revealed that there was Malaysian Ringgit in cash amounting to RM110,000 which was kept in the zipped compartment of a baggage which was found in the boot of the car which he drove. PW7 confirmed that he did not ask to the appellant whether he wanted to declare any monies or offered Form K22 to be filled. Three main issues were forwarded by the appellant namely: (a) whether the magistrate had erred and misdirected in deciding that the prosecution had proven a prima facie case even though the ingredients of the offence were not proven by the prosecution; (b) whether the magistrate had failed to give the appropriate weightage to the appellant's evidence at the defence stage; and (c) whether the magistrate had erred and misdirected when the magistrate failed to take into account the relevant factors in sentencing the appellant.

Held, allowing the appeal and discharging and acquitting the accused from the charge:

(1) The appellant cannot be convicted for an offence under any provision of offence under s 135 of the said Act. This is because of the definition of goods under s 2 of the said act states that "goods' includes animals, birds, fish, plants and all kinds of *movable property*'. The magistrate had misdirected himself when making the assumption that cash was goods. This was because currency encompasses within the meaning of movable property which is not explained in the Customs Act 1967 but when referred to the Sales of Goods Act, it is clearly stated that movable property does not include currency (see para 16).

A (2) All goods that are dutiable and prohibited which is enshrined in r 17(1)(a) however currency is enshrined in r 17(1)(b). the separation of this two things clearly show parliament's intent that currency is not part of the category of prohibited goods but is its own category (see para 19).

B (3) The appellants act to not declare the Malaysian Ringgit currency when he wanted to bring the currency into the country, if it exceeds the value of USD10,000 did not disclose any offence under s 135 of the said Act as per the charge. Therefore, the magistrate had erred that the prosecution had proved a prima facie case at the end of the prosecution's case (see C para 26).

(4) Based on the second limb in s 135(1)(e) of the said Act, it is clear that the prosecution needs to prove the ingredient 'evade any provisions of this Act'. However, in this case any breach in r 17(1)(b) is not a breach of this D Act therefore the charge is defective where the prosecution failed to comply with the ingredient of the said offence (see para 35).

(5) The presumption under s 119 of the said Act does not operate against the appellant because the burden under s 119 of the said Act was only for the E Accused to show that the duty was paid or the goods were legally imported. In this case, the prosecutions emphasis was that the appellant failed to declare the said monies and it does not create the issue of the payment of duty or the issue of illegal importation or otherwise (see para 41).

F (6) The order to forfeit the entire RM110,000 is deemed to be an excessive offence based on the requirements of r 17(1)(b), only when the case was brought exceeded RM10,000 only then does the requirement to fill in Form K22 arise. In the current case, the monies seized from the appellant were RM110,000 being an excess of RM70,000. The remaining G RM40,000 were the maximum limit which could be brought in without declaring in form K22 (see para 42).]

Kes-kes yang dirujuk

H *Hussain Ibrahim & Satu Lagi lwn PP* [2012] 10 CLJ 416, MT (dirujuk)
Inisiatif Jaya Sdn Bhd v Pentadbir Tanah Seremban [2017] MLJU 1844, MR (dirujuk)
Kan Sik Fong v Public Prosecutor [1961] 1 MLJ 163 (dirujuk)
Lau Kieng Chung v Public Prosecutor [1993] 3 MLJ 295, MT (dirujuk)
I *Manokaram a/l Subramaniam v Ranjid Kaur a/p Nata Singh* [2009] 1 MLJ 21, MP (dirujuk)
Yap Yoon Lin v Regina [1954] 1 MLJ 59 (dirujuk)
Yung Ing Ing v Hunfara Construction Sdn Bhd [2015] 5 MLJ 668, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kastam 1967
Akta Jualan Barangan 1957
Akta Kastam 1967 ss 2, 15(2), 44(1), 45, 90(4), 103(1), 109(3), 119, 133(1)(a), (1)(e), 135, 135(1)(ii), (1)(e), 138, 140(1)
Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities (Cash and Bearer Negotiable Instruments Declaration) Order 2014
Peraturan-Peraturan Kastam 1977 peraturan-peraturan 17, 17(1)(b), 66, Borang K22
Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2012 peraturan 17

(Timbalan Pendakwa Raya, Kastam Diraja Malaysia) bagi pihak plaintif.
(PS Segaran & Co) bagi pihak defendan.

Mat Ghani PK:

PENGENALAN

[1] Ini adalah rayuan yang difailkan oleh perayu (tertuduh) yang tidak berpuas hati terhadap keputusan tuan majistret pada 28 September 2017 di mana di akhir kes pembelaan, tuan majistret telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah justeru perayu telah disabitkan dengan kesalahan di bawah s 135(1)(e) Akta Kastam 1967 ('Akta') dan tuan majistret telah menjatuhkan hukuman denda RM220,000 jika gagal bayar dua tahun penjara dan merintahkan barang kes dilucuthak.

Pertuduhan (pindaan)

[2] Perayu telah dihadapkan dengan satu pertuduhan pindaan seperti berikut:

> Bahawa kamu, pada 28 Julai 2016 kira-kira jam 03.30 petang, di Lorong 2 Unit Penumpang Kereta Masuk Malaysia Dalam Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru di Negeri Johor dalam apa-apa cara *dengan disedarinya mengangkut barang-barang tak berkastam* iaitu:
>
> a) 1,100 keping Matawang Kertas Malaysia RM 100 bernilai RM 110,000.00
>
> yang tersimpan dI dalam beg dan dibawa menggunakan sebuah kereta dengan nombor pendaftaran SKK 3796 D dengan *niat mengelak daripada mana-mana peruntukan Akta ini* dan dengan ini kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 135(1)(e) Akta Kastam 1967 dan kamu boleh dihukum di bawah Seksyen 135(1)(ii) Akta yang sama.

Ringkasan fakta kes pendakwaan

A **[3]** Berdasarkan alasan penghakiman tuan majistret diperturunkan fakta kes seperti berikut. Pada 28 Julai 2016, jam lebih kurang 3.30 petang, perayu telah tiba di unit penumpang kereta masuk Malaysia di dalam Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru di laluan merah (*red lane*) dengan memandu kenderaan dengan nombor pendaftaran SKK 3796 D dari Singapura. Laluan
B merah adalah tempat pengikraran barang yang dibawa oleh pengembara/penumpang dari arah Singapura ke Malaysia adalah di lorong-lorong pemeriksaan, unit pemeriksaan kenderaan (*inbound*), Bangunan Sultan Iskandar ('BSI').

C **[4]** Sebaik tiba di laluan tersebut, SP7 telah menahan kenderaan tersebut dan memeriksa kenderaan tersebut. Hasil pemeriksaan selepas bagasi ditemui di dalam boot kereta tersebut mendapati terdapat wang tunai Ringgit Malaysia yang disimpan di bahagian berzip bagasi tersebut.

D **[5]** Seterusnya, SP7 telah mengarahkan perayu menutup semula bagasi dan membawa bagasi dan perayu ke pejabat untuk pemeriksaan lanjut. Hasil pemeriksaan telah menemui sejumlah 1,100 keping *note* RM100 iaitu sejumlah RM110,000 ditemui dibawa oleh perayu disimpan di dalam bagasi
E perayu. Semasa periksaan balas SP7 mengesahkan bahawa beliau tidak bertanya kepada perayu sama ada mahu mengikrar sebarang mata wang atau menawarkan Borang K22 untuk diisi. SP7 kemudiannya telah menyerahkan barang kes serta perayu kepada bahagian penguatkuasaan untuk tindakan lanjut. Menurut SP7 perayu memberitahu beliau bahawa dia hanya membawa
F RM11,000 sahaja.

[6] Perayu telah ditahan reman dan dituduh di bawah s 135(1)(e) Akta Kastam 1967 kerana dengan disedarinya terlibat dalam mengangkut barang-barang tak berkastam iaitu 1,100 keping matawang kertas Malaysia
G RM100 bernilai RM 110,000 dengan niat untuk mengelak larangan terhadap barang-barang tersebut.

Alasan rayuan perayu

H **[7]** Perayu telah mengemukakan 14 alasan dalam *petisyen rayuannya* yang difailkan pada 12 Jun 2018 adalah berkisar perkara-perkara di mana perayu tidak puas hati terhadap keputusan tuan majistret. Akan tetapi, bagi memudahkan hujahan peguam responden terpelajar telah merangkumi kesemua alasan tersebut kepada dalam *tiga* isu pokok sahaja iaitu:

I **[8]** *Isu pertama*: Sama ada tuan majistret telah terkhilaf dan tersalah arah terhadap elemen-elemen pertuduhan di bawah s 135(1)(e) Akta Kastam 1967 dalam memutuskan bahawa pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* walaupun ingredien-ingredien pertuduhan terbabit tidak

dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Bagi isu peguam berhujah bahawa pendakwaan gagal menunjukkan apakah perlanggaran proviso Akta Kastam 1967. Ini kerana dalam kes ini, pendakwaan mendakwa bahawa perayu gagal untuk mengikrar wang yang dibawa dan juga perayu gagal mendapat kelulusan daripada Bank Negara Malaysia ('BNM') untuk membawa masuk wang tersebut.

[9] *Isu kedua*: Sama ada puan majistret telah gagal memberikan *weightage* yang sewajarnya kepada keterangan perayu dalam peringkat pembelaan dan telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila tidak mengambil kira keterangan-keterangan *in its entirety* sebelum mensabitkan perayu atas kesalahan terbabit *against the weight of evidence*.

[10] *Isu ketiga*: Sama ada puan majistret tersalah arah dan terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal mengambil kira faktor-faktor relevan dalam mengenakan hukuman kepada perayu dan hukuman yang dikenakan adalah terlalu berlebihan (*manifestly excessive*).

Peruntukan terhadap pertuduhan

[11] Perayu dituduh di bawah s 135(1)(e) Akta Kastam 1967 yang memperuntukkan:

> Barang siapa yang dalam apa-apa cara *dengan disedarinya* terlibat dalam *mengangkut*, memindah, mendeposit atau berurusan dengan apa-apa barang berduti, *tak berkastam* atau larangan dengan niat memfraud Kerajaan terhadap apa-apa duti ke atasnya, atau *mengelak daripada mana-mana peruntukan Akta ini* atau mengelak daripada apa-apa larangan yang terpakai bagi barang-barang itu; adalah melakukan satu kesalahan.

[12] Berdasarkan pertuduhan tersebut intipati yg mestikan dibuktikan terhadap perayu adalah:

> Barang siapa yang dalam apa-apa cara dengan *disedarinya terlibat dalam mengangkut* apa-apa *barang tak berkastam* dengan *niat mengelak daripada mana-mana peruntukan Akta ini.*
>
> Perayu mengangkut amaun wang tunai RM110,000.00 Amaun wang tunai RM110,000 adalah barang tak berkastam:
>
> (a) Perayu dengan menyedari mengangkut barang tak kastam.
>
> (b) Niat Perayu adalah untuk *mengelak daripada mana-mana peruntukan Akta ini.*

Alasan majistret

[13] Tuan majistret telah menyatakan dalam alasan penghakiman mengenai intipati pertuduhan terhadap tertuduh bahawa tertuduh dengan *disedarinya*

terlibat dalam mengangkut barang-barang tak berkastam RM110,000:

(a) RM 110,000 adalah *barang-barang tak berkastam mengikut s 2 Akta tersebut*; dan

(b) tertuduh mempunyai pengetahuan ke atas milikan ini serta barang tersebut adalah barang larangan dengan niat *mengelak larangan* terhadap barang-barang tersebut.

[14] Tuan majistret dalam alasan kehakiman telah mengulas tentang keterangan SP2 (pegawai daripada BNM) dengan mengatakan 'SP2 juga telah memberikan keterangan bahawa sekiranya ingin membawa masuk matawang ke dalam Malaysia bersamaan dengan atau melebihi 10,000 matawang Amerika Syarikat perlu mendapatkan kebenaran daipada Bank Negara Malaysia terlebih dahulu dan mengesahkan bahawa tiada rekod kelulusan yang ditemui atas nama Tertuduh melalui P54'.

[15] Oleh itu kegagalan perayu mendapatkan kebenaran dari Bank Negara Malaysia sebelum membawa masuk matawang Ringgit Malaysia sejumlah RM110,000 ini, telah menjadikan wang tersebut barang tak berkastam kerana telah melanggar peruntukan undang-undang subsidiari, iaitu Peraturan-Peraturan Kastam 1977 dan juga fakta bahawa Borang K22 tidak diisi oleh perayu.

KEPUTUSAN RAYUAN

Sama ada mata wang adalah barangan (goods)

[16] Meneliti fakta di dalam kes ini saya mendapati perayu tidak boleh sabitkan dengan kesalahan di bawah mana peruntukan kesalahan s 135 Akta Kastam. Ini kerana definisi barangan di bawah s 2 Akta tersebut mengenai barang yang menyebut "goods' includes animals, birds, fish, pants and all kinds of movable property'. Tuan majistret telah tersalah arah apabila membuat andaian bahawa wang tunai adalah 'goods'. Ini kerana wang tunai (*currency*) dirangkumi dalam erti kata 'movable property' tidak dijelaskan dalam Akta Kastam 1967. Tetapi apabila dirujuk kepada Sale of Goods Act jelas menyatakan bahawa 'moveable property does not include currency'.

Peraturan 17 Peraturan-Peraturan Kastam 1977

[17] Mahkamah ini bersetuju sepenuhnya dengan hujahan peguam bahawa keperluan pengikraran matawang adalah terkandung dalam Peraturan-Peraturan Kastam 1977 yang secara khusus diperuntukan di bawah peraturan 17 Peraturan-Peraturan Kastam 1977 dan juga *Warta* kerajaan persekutuan bertarikh 30 September 2014 (PU(A)265) yang memperuntukkan:

Declaration when arriving or leaving Malaysia

(1) Every traveller or other person *arriving in* or leaving Malaysia *shall declare in Form Customs No 22* as prescribed in Part I of the Second Schedule —

(a) all *dutiable* and *prohibited goods imported and exported, in his possession either on his person or in any of his baggages or in any of his vehicles; and*

(b) *amount in cash* and negotiable bearer instruments, in his possession either on his person or in any of his baggages or in any of his vehicles, exceeding an amount equivalent to ten thousand United States Dollars (USD10,000) required to be declared by the Central Bank of Malaysia pursuant to the *Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing (Cash and Negotiable Bearer Instruments Declaration) Order 2009 ... PU(A)480/09*.

[18] Parlimen dalam penggubalan undang-undang menterjemahkan dalam perkataan-perkataan yang dipilih secara rapi bagi tujuan objektif penggubalan tersebut. Dalam *Manokaram a/l Subramaniam v Ranjid Kaur a/p Nata Singh* [2009] 1 MLJ 21, mahkamah telah mengatakan 'It is a principle of statutory interpretation that when the Legislature uses a different language in the same connection, in different parts of the statute, it is presumed that a different meaning and effect is intended, and if different language is used in contiguous provisions, it must be presued to have done so designed (*NS Bindra's Interpretation of Statutes* (8th Ed) p 275)'. Juga dalam kes *Yung Ing Ing v Hunfara Construction Sdn Bhd* [2015] 5 MLJ 668, Mahkamah Rayuan telah mengatakan '... It is a principle of interpretation of statutes that where the Legislature *includes a particular term* in one part or section of a statute but *omits it in another part* or section of the same, it must be presumed that the Legislature acts intentionally and purposely in the disparate inclusion or exclusion. There are the principles of construction as pointed out by Bennion on Statutory Interpretation ...'.

[19] Oleh yang demikian berdasarkan prinsip intepretasi di atas maka semua barang *dutiable* dan *prohibited* diliputi dalam peraturan 17(1)(a) manakala matawang adalah diliputi dalam peraturan 17(1)(b). Pengasingan dua perkara ini jelas menunjukkan bahawa niat Parlimen beranggapan bahawa mata wang (*currency*) tidak termasuk dalam kategori barang larangan (*prohibited goods*) tetapi ia merupakan kategori tersendiri. Dengan kata lain peraturan 17 itu sendiri membezakan pemakaian terhadap barangan dan matawang di mana bagi dutiable goods dan prohibited goods adalah diliputi dalam sub-1(a) manakala wang tunai diasingkan dan diliputi dalam sub-1(b).

[20] Bagi melaksanakan peraturan 17 tersebut suatu *Warta* Kerajaan Persekutuan bertarikh 30 September 2014 diterbitkan yang memperuntukan Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities (Cash and Bearer Negotiable Instruments Declaration) Order 2014

... PU(A) 265/2014. *Warta* tersebut menyebut:

> Declaration under subsection 28B(1)
>
> 2 Any person leaving or entering Malaysia with an *amount in cash*, bearer negotiable instruments or both exceeding an amount equivalent to ten thousand United States Dollars (USD 10,000) *shall declare such amount to the competent authority in the Form Customs No 22* as prescribed in Part I of the Second Schedule of the Customs Regulations 1977 [PU(A) 162/1977]

[21] Dengan kewujudan peraturan baru ini maka adalah jelas bahawa matawang tidak boleh dikatogerikan sebagai barangan. Kes di hadapan kita sekarang ini hendaklah dibezakan dengan kes yang dirujuk oleh TPR iaitu *Hussain Ibrahim & Satu Lagi lwn PP* [2012] 10 CLJ 416 yang hakim di dalam kes tersebut tidak memutuskan matawang yang menjadi hal perkara dalam pertuduhan adalah tergolong dalam takrifan 'Barang' di bawah s 2 Akta Kastam 1967. Tetapi memutuskan bahawa matawang asing mempunyai *legal tender*.

Sama ada perayu melakukan kesalahan

[22] Selari dengan peruntukan peraturan 17 dalam Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2012 tersebut dan dibaca bersama *Warta* tersebut dan Borang K22 tersebut mahkamah ini berpendapat matawang Ringgit Malaysia bukanlah barang yang dilarang pengimportannya. Malahan TPR juga mengesahkan bahawa perkara ini dihujahan beliau. Walau bagaimanapun, terdapat syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh setiap pengembara yang sama ada ingin membawa masuk matawang Ringgit Malaysia ataupun membawa keluar matawang ini, sekiranya melebihi jumlah bersamaan USD10,000, iaitu ia perlu mendapat kebenaran untuk membawa masuk atau membawa keluar matawang Ringgit Malaysia tersebut dari Bank Negara Malaysia.

[23] Sebelum matawang Ringgit Malaysia yang nilainya melebihi USD10,000 hendak dibawa masuk atau keluar Malaysia, satu kebenaran dari Bank Negara Malaysia hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum pengembara boleh mengikrarkan Ringgit Malaysia tersebut melalui Borang K22. *Persoalannya bagaimana dan bilakah seseorang itu dari luar Malaysia boleh mendapat kebenaran dengan BNM untuk membawa masuk wang melebihi jumlah tersebut sebelum orang itu tiba di negara ini.* Didapati tiada sebarang cara yang disediakan bagi seseorang mendapat kebenaran tersebut sebelum tiba ke negara ini. Mahkamah ini boleh mengambil notis kehakiman adalah menjadi amalan biasa apabila seseorang pengembar datang ke negara ini melalui pesawat udara, anak-anak kapal akan memberi Borang K22 untuk diisi kepada penumpang atau setidak-tidaknya mebuat pengumanan bahawa Borang K22

perlu diisi sekiranya penumpang membawa matawang melebihi USD1,000 atau persamaan nilainya.

[24] Bagi memudahkan prosedur mendapatkan kebenaran dari BNM tersebut pihak saya berpeluang menyemak laman sesawang Jabatan Kastam ('JK') yang telah mengeluarkan prosedur bagi tujuan tersebut. Petikan dari laman sesawang JK adalah seperti berikut:

Panduan Pengisytiharan Mata Wang

Sekiranya melebihi satu jumlah yang bersamaan USD 10,000 dikehendaki mengikrar dengan menggunakan Borang Kastam No 22 di bawah Peraturan 17, Peraturan-Peraturan Kastam 1977.

Prosedur Permohonan

1. Setiap pemohon hendaklah mendapatkan *surat kebenaran bertulis* dari Bank Negara Malaysia *sebelum membawa keluar* matawang dengan menggunakan borang 'Notis ECM 13' yang boleh diperolehi di mana-mana Bank Negara Malaysia,berpandukan kepada Perintah Kawalan Pertukaran Wang (Import Dan Eksport) (Am) 1998. *Pemohon perlu melengkapi Borang Kastam No 22 bersama-sama surat kebenaran bertulis daripada BNM tersebut kepada Pegawai Kastam yang bertugas di pintu keluar atau masuk Negara berpandukan kepada Peraturan 17, Peraturan-peraturan Kastam 1977,*

1. Bagi pengembara/penumpang rakyat Malaysia yang membawa masuk matawang ke dalam Negara hendaklah menggunakan borang kastam No 22. Bagi pengembara/penumpang rakyat asing hendaklah melengkapi borang IMM 26 yang boleh diperolehi di kaunter Imigresen di pintu-pintu masuk. Borang Kastam No 22 tersebut boleh didapati di kaunter-kaunter sebelum pemohon melepasi pemeriksaan Kastam.

Peraturan 17, Peraturan-peraturan Kastam 1977

Setiap pengembara atau sesiapa sahaja yang tiba atau meninggalkan Malaysia hendaklah mengisytiharkan dalam Borang Kastam No 22 sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian 1 Jadual Kedua:

(a) Semua barang berduti, dan barang larangan yang diimport dan dieksport, dalam milikannya sama ada pada tubuhnya atau dalam mana-mana bagasi atau dalam mana-mana kenderaannya; dan

(b) Amaun wang tunai dan instrument pembawa boleh niaga, dalam milikannya sama ada tubuhnya atau dalam mana-mana bagasi atau dalam mana-mana kenderaannya, yang melebihi suatu jumlah yang bersamaan dengan sepuluh ribu Dolar Amerika Syarikat (USD 10,000) sebagaimana yang dikehendaki supaya diisytiharkan oleh Bank Negara Malaysia menurut Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram Dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Deklarasi Wang Tunai Dan Instrumen Pembawa Boleh Niaga) 2009.

Perisytiharan di bawah subperaturan (1) hendaklah dikemukakan kepada:

(a) Pegawai kastam yang hak, berhubung dengan barang di bawah subperaturan (1)(a); dan

(b) Pegawai kastam yang diberi kuasa oleh Bank Negara Malaysia di bawah

A subseksyen 7(2) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram Dan Pencegahan Pembiayaan keganasan 2001, berhubung dengan perkara di bawah subperaturan (1)(b).

B **[25]** Sementara itu mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi peraturan 17 ini, peraturan 66 Peraturan dengan jelas mengariskan kesalahan secara khusus seperti berikut:

66 Penalties

C Any person who contravenes or fails to comply with any of the provisions of these Regulations or with the restrictions or conditions imposed by any licence or permission granted under these Regulations shall be liable to a fine of five thousand ringgit.

D **[26]** Berdasarkan peraturan 17 dan *Warta* tersebut mahkamah ini berpendapat perbuatan perayu yang tidak mengikrarkan mata wang Ringgit Malaysia apabila ingin membawa masuk matawang ke negara ini, sekiranya melebihi jumlah bersamaan USD10,000 tidak menzahirkan apa-apa kesalahan di bawah s 135 Akta Kastam sebagaimana pertuduhan. Oleh yang demikian tuan majistret juga terkhilaf apabila memutuskan bahawa pendakwaan telah E membuktikan satu kes prima facie pada akhir kes pendakwaan. Malahan berdasarkan ulasan di atas mahkamah ini mendapati pertuduhan di bawah s 135(1)(e) Akta Kastam 1967 adalah satu pertuduhan yang tidak diketahui apakah kesalahan (*for no known offence in law*) terhadap perayu. Oleh itu sekiranya perayu telah melanggar mana peruntukkan peraturan tersebut F sewajarnya dia dituduh di sub-peraturan 66 dan bukan peruntukan am Akta Kastam yang mana agar kabur pemakaiannya di dalam kes ini.

G **[27]** Pada hemat saya pendekatan yang sepatutnya oleh pihak pendakwaan ialah memakai *maxim generalia specialibus non derogant iaitu* apabila terdapat sesuatu peruntukan khusus dibuatkan di dalam sesuatu statut maka peruntukan khusus tersebut mengecualikan operasi sesuatu peruntukan am di dalam undang-undang. Di dalam kes *Inisiatif Jaya Sdn Bhd v Pentadbir Tanah Seremban* [2017] MLJU 1844 yang Mahkamah Rayuan memutuskan:

H In our judgment, the proper approach would be to apply the maxim *generalia specialibus non derogant* ie where a special provision is made in a statute, that special provision excludes the operation of a general provision in the general law. Since there is a specific provision concerning interest in s 48 of the Act, recourse should be had to that specific provision rather than to the provision on interest in the ROC I which concerns all other civil matters generally (see *Kenneth Teh Ah Kiam & Anor (Receivers and Managers of Global Pacific Textile Industries Sdn Bhd, in receivership) v Ketua Pengarah Jabatan Kastam & Eksais & Ors* [1998] 1 MLJ 289; *Lau Keen Fai v Lim Ban Kay @ Lim Chiam Boon & Anor* [2012] 2 MLJ 8; *Kijal Resort Sdn Bhd v Pentadbir Tanah Kemaman & Anor* [2016] 1 MLJ 544).

[28] Seandainya pihak pendakwaan mempunyai budibicara untuk mendakwa perayu di bawah s 135(1)(e) Akta Kastam 1967 dan tidak di bawah peraturan 66 Peraturan-peraturan Kastam 1977. Akan tetapi di dalam kes ini perayu telah diperiksa di lorong pemeriksaan di Laluan Merah iaitu merupakan tempat untuk membuat pengikraran barang-barang yang dibawa. Jadi, barang yang dibawa hanya boleh terjatuh kepada kategori barang tak berkastam apabila ada perlanggaran peruntukan Akta Kastam 1967 atau peraturan-peraturan dibawahnya dan ini hanya boleh berlaku apabila tertuduh telah melepasi tempat pengikraran tanpa mengikrar ataupun membuat pengikraran yang tak betul.

Sama ada terdapat perlanggaran peraturan 17

[29] Keperluan mengikrar dalam K22 merupakan undang-undang. Orang ramai hanya akan dapat tahu perkara ini apabila mengisi Borang K22. Akan tetapi keterangan menunjukkan Perayu tidak diberikan Borang K22 untuk mengisi. Boleh dirumuskan bahawa seseorang penggembara hanya akan tahu berkaitan syarat tersebut apabila dibaca notis tersebut semasa mengisi Borang K22. Dalam kes ini adalah jelas bahawa Kastam telah gagal membekalkan perayu dengan Borang K22 bagi tujuan mengikrar dan dalam masa yang sama telah merampas kuasa yang ada dengan BNM (*usurp the powers of the BNM*). Syarat untuk mendapatkan kelulusan daripada BNM adalah *secondary* dan apa yang penting ialah keperluan undang-undang adalah pengisian Borang K22 tersebut. Justeru, di dalam kes ini perayu yang merupakan seorang *bona fide traveller* tidak diberi peluang langsung dalam kes ini untuk membuat ikrar dengan memberikan kepadanya Borang K22 lebih-lebih dia belum lagi melepasi laluan merah.

[30] Di dalam kes ini mahkamah ini mendapati berdasarkan keterangan SP1 dan SP7, tempat pengikraran barang yang dibawa oleh pengembara/penumpang dari arah Singapura ke Malaysia adalah di lorong-lorong pemeriksaan, unit pemeriksaan kenderaan (*inbound*), Bangunan Sultan Iskandar ('BSI'). Pada hari berkenaan (28 Julai 2016) kereta bernombor pendaftaran SKK 3796 D yang dipandu oleh perayu telah berhenti di Lorong 2, Unit Pemeriksaan Kenderaan iaitu *laluan merah* (*red lane*), BSI di mana SP7 bertugas. Oleh itu tidak ada keadaan yang menunjukkan bahawa perayu telah cuba lari keluar (*dash through*) ataupun perayu telah ditahan di tempat pemeriksaan rapi (100%) iaitu selepas tempat pemeriksaan di lorong pemeriksaan ataupun setelah melepasi kawalan Kastam. Perayu juga tidak mencuba untuk melepasi kawalan kastam mengikut laluan *laluan hijau* (*green lane*). Jadi soalan perayu gagal mengikrar wang tersebut tidak timbul sama sekali memandangkan perayu berada di red lane yang merupakan tempat membuat pengikraran.

[31] Dalam kes yang dipetik oleh peguam: *Kan Sik Fong v Public Prosecutor* [1961] 1 MLJ 163, seorang penumpang bas dari Singapura ke Johor Bahru telah ditahan di pejabat Kastam Tambak kerana didapati menyorokkan 'gold bar' dalam tali pinggangnya. Mahkamah tersebut mendapati berdasarkan dalam penghakimannya, Adams J telah mengatakan:

> ... *If no declaration had been made or requested, the person required to make a declaration should be given every opportunity to do so right up to the last possible moment.*

[32] Mahkamah ini mendapati keterangan SP1 agak mencurigai yang mengatakan bahawa perayu mengaku mambawa RM11,000 sahaja ketika itu. Ini kerana jumlah RM11,000 adalah satu jumlah yang sepuluh ganda berbeza dari segi fizikal dan dapat dilihat dengan mata kasar perbezaannya. Dengan kesangsian keterangan sedemikian harus diberikan faedah kesangsian kepada perayu.

[33] Dengan keadaan ini maka tidak timbul isu bahawa perayu gagal mengikrar wang tersebut tidak timbul sama sekali memandangkan perayu berada di laluan merah yang merupakan tempat membuat pengikraran dan dia juga tidak diberi peluang secukupnya untuk membuat ikrar dengan memberikan kepadanya Borang K22 tersebut.

Niat mengelak daripada mana-mana peruntukan Akta ini

[34] Selain itu mahkamah ini juga mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan elemen *niat mengelak daripada mana-mana peruntukan Akta ini* (*evade any of the provisions of this Act*) sebagaimana diperuntukan di bawah s 135(1)(e). Bagi maksud ini peguam berhujah bahawa dalam kes ini segala teras (*thrust*) pihak pendakwaan adalah bahawa perayu gagal membuat pengikraran wang tersebut. Kewajipan mengikrar wang tunai adalah diliputi dalam peraturan 17(1)(b) Peraturan-peraturan Kastam 1977. Peraturan ini adalah melalui pindaan PU(A)480/2009 yang berkuatkuasa bermula 1 Januari 2010. Oleh itu obligasi untuk mengikrar wang tunai hanya terdapat dalam Peraturan sahaja dan tidak terdapat dalam mana-mana proviso dalam Akta tersebut. Sub-seksyen 103(1) Akta Kastam 1967 menyatakan:

> Notwithstanding anything in this Act contained, every passenger or other person arriving in or leaving Malaysia shall declare all *dutiable* or *prohibited goods* in his possession, either on his person or in any baggage or in any vehicle ...

Proviso ini hanya membabitkan barang-barang dutiable ataupun prohibited dan tidak merangkumi wang tunai. Pengikraran berkaitan wang tunai hanya merupakan kehendak peraturan sahaja.

[35] Jika disemak *second limb* dalam s 135(1)(e) Akta, adalah jelas bahawa

pendakwaan hendak membuktikan ingredien 'evade any provision of this Act'. Akan tetapi di dalam kes ini sebarang perlanggaran dalam peraturan 17(1)(b) bukan merupakan perlanggaran terhadap Akta ini justeru pertuduhan adalah cacat dimana pendakwaan gagal menepati ingredien kesalahan tersebut. Sebagai contoh, proviso dalam Akta Kastam 1967 sebagai diberikan di dalam hujahan perayu.

Seksyen 128(4): '... Magistrate of the First Class shall proceed to the examination of the matter, and upon proof that *an offence against this Act or any regulations* made thereunder has been committed ...'.

Seksyen 90(4): '... A senior officer of customs may suspend or cancel any permission granted under this section, if the agent *commits any breach of this Act or of any regulation* made thereunder ...'.

Seksyen 133(1)(a): 'Whoever makes,orally or in writing,or signs any declaration, certification or other document *required by this Act* which is untrue or incorrect in particular'.

Seksyen 133(1)(e): 'Whoever being *required by this Act* to make a declaration of dutiable goods imported or expored, fails to make such declaration as required'.

Seksyen 138: 'Every omission or neglect to comply with,and every act done or attempted to be done contrary to, *the provisions of this Act*, or any breach of the conditions ...'.

Seksyen 140(1): 'Where an offence against *this Act or any regulation made thereunder* has been committed by a company ...'.

[36] Apabila dibuat perbandingan contoh-contoh seksyen dalam Akta Kastam 1967 seperti di atas dengan s 135(1)(e), maka boleh dirumuskan bahawa 'Evade any of the provisions of this Act' bermaksud ia tidak merangkumi 'evasion of the Regulation' justeru itu perlanggaran (sekiranya ada) peraturan 17(1) tidak dapat liputan dalam s 135(1)(e). Berdasarkan hujahan ini saya bersetuju dengan peguam bahawa dapatan Tuan Majistret adalah terkhilaf apabila beliau bersandarkan kepada kesalahan di bawah s 135(1)(e) dalam kes ini.

Anggapan di bawah s 119 Akta Kastam 1967

[37] Mahkamah ini turut bersetuju dengan peguam bahawa anggapan di bawah s 119 seperti di dalam kes sekarang ini tidak terpakai terhadap perayu kerana pendakwaan gagal membuktikan secara fakta bahawa barang-barang adalah barang tak berkastam. Anggapan berkaitan *barang tak berkastam* dalam Akta Kastam 1967 adalah diliputi dalam seksyen-seksyen berikut:

(a) s 15(2) — *Reimposition of duty*;

A (b) s 45 — *Goods unaccounted for to be deemed uncustomed*;

(c) s 109(3) — *Power to search vessels and aircraft*;

(d) s 44(1) — *Hovering*; dan

B (e) s 103(1) — *Baggage of passengers* (*dutiable/prohibited goods*).

[38] Pemakaian seksyen tersebut telah dihuraikan dengan jelas oleh Steve Shim J dalam kes *Lau Kieng Chung v Public Prosecutor* [1993] 3 MLJ 295, seperti berikut:

C Section 119 can be invoked only as regards matters of dispute specified therein. These issues are:

(a) *Whether or not customs duty has been paid*;

(b) *Whether or not the goods have been lawfully landed or loaded or imported or exorted*;

D

(c) *The place whence such goods were brought*; and

(d) *The place of loading of the goods*;

Whether anything is exempted from duty under s 14

E

[39] Peguam menegaskan bahawa sepanjang perjalanan dari Singapura ke Cawangan Penumpang Kereta Inbound, perayu tidak boleh dikatakan mengangkut barang tak berkastam. Pengangkutan wang tunai oleh tertuduh
F telah berakhir apabila keretanya berhenti di lorong pemeriksaan. Sebelum kereta tersebut berhenti di laluan pemeriksaan, matawang yang dibawa itu tidak berstatus 'uncustomed goods' memandangkan tidak ada apa-apa perlanggaran terhadap proviso di bawah Akta Kastam telah berlaku sebelum sampai ditempat pemeriksaan. Setelah kereta tersebut berhenti di lorong
G pemeriksaan, ia sudah berada di bawah kawalan kastam dan segala pergerakan kereta tersebut seterusnya seperti mengalihkan ke tempat parkir dan sebagainya adalah atas arahan pegawai yang bertugas dan kereta tersebut tidak boleh dianggap sebagai mengangkut (*conveying*) selepas itu. Dalam kes ini, kereta tersebut tidak ditahan setelah melepasi kawalan kastam iaitu dalam arah
H menuju keluar dari BSI ataupun ditahan diluar BSI setelah melepasi semua kawasan kawalan kastam. Jadi pertuduhan 'mengangkut barang tak berkastam' adalah satu kecacatan yang fatal. Mahkamah ini sehaluan dengan penegasan ini.

I **[40]** Bagi menguatkan asas ini peguam merujuk *Yap Yoon Lin v Regina* [1954] 1 MLJ 59 di mana Spencer Wilkinson J berkata:

I think the prosecution must, before conviction, as a part of their case prove that there was a conveying of the goods and *that these goods were already uncustomed at the time they were conveyed. In other words the offence or breach which resulted in the goods*

being uncustomed must, I think, be prior in time to the conveying of the goods. The definition of uncustomed goods contained in the Ordinance must, if possible, be read into the sections where the expression occurs. We thus have in para (e) or s 131(i) (*Nota: Dalam Customs Ordinance yang adalah pari materia dengan Akta Kastam 1967*) a provision which says in effect that whoever is knowingly concerned in conveying goods in respect of which an offence or breach of a regulation has been committed shall be guilty of an offence. I can find nothing in the context to suggest that behind these words there is anything but the simple idea that a person who conveys goods which he knows have already, before he conveys or is concerned with carrying them, been the subject matter of an offence or breach of a regulation commits the offence described in para (e). To construe this paragraph otherwise would, I think, involve reading the definition as though it said 'in respect of which an offence has been or is being or is about to be committed This is not what the definition says. In other words I think *the natural meaning of the words 'knowingly concerned in conveying uncustomed goods — is 'being knowingly concerned in conveying goods which one knows, at the time that they are conveyed, to be uncustomed — and not concerned in conveying goods which one knows will become uncustomed goods if they are conveyed* — I would add that the presumption provided for by sub-s (2) of s 131 does not assist the prosecution until they have first proved that the goods were in fact uncustomed.

[41] Oleh yang demikian berdasarkan alasan di atas anggapan di bawah s 119 Akta Kastam 1967 tidak beroperasi terhadap perayu kerana beban di bawah s 119 AK 1967 hanyalah untuk tertuduh membuktikan bahawa duti telah dibayar ataupun barang diimport secara sah. Dalam kes ini, penekanan pendakwaan adalah bahawa perayu gagal mengikrar wang tersebut dan ia tidak mencetuskan isu pembayaran duti ataupun isu pengimportan secara sah atau tidak.

Hukuman

[42] Peguam turut berhujah bahawa tuan majistret yang memutuskan bahawa satu kesalahan terhadap proviso peraturan 17(1)(b) telahpun dilakukan oleh perayu, namun beliau gagal mengarahkan fikiran beliau terhadap proviso di bawah peraturan 66 yang wajar dipertimbangkan. Penalti maksimum di bawah peraturan tersebut adalah denda RM5,000 sahaja. Namun tuan majistret telah mempertimbangkan hukuman di bawah s 135(1)(ii) dan telah mengenakan hukuman denda maksimum sebanyak RM220,0000 dan telah memerintahkan wang tunai perayu sebanyak RM110,000 serta kereta terbabit dilucuthakkan kepada kerajaan. Peguam mengatakan ini merupakan kali pertama perayu dipertuduhkan atas kesalahan terbabit dan perayu juga merupakan seorang penggembara warganegara Korea. Pandangan peguam ini adalah berasas.

[43] Mahkamah ini juga sehaluan pandangan dengan hujahan peguam bahawa perintah untuk melucuthakkan seluruh RM110,000 adalah dianggap

hukuman yang berlebihan (*excessive punishment)*. Ini kerana berdasarkan kehendak peraturan 17(1)(b), hanya apabila wang tunai yang dibawa adalah melebihi USD10,000 barulah kewajipan untuk mengisi Borang K22 timbul. Dalam kes ini wang tunai yang disita daripada perayu adalah RM110,000 iaitu terdapat lebihan RM70,000 daripada had yang ditetapkan. Jadi *non-compliance* hanyalah terhadap lebihan RM70,000. Baki RM40,000 merupakan had maksimum yang boleh dibawa tanpa mengikrarkan dalam Borang K22. Ini kerana secara lojik, perayu boleh membawa masuk semua RM110,000 melalui tiga kali perjalanan (*trip*) keluar-masuk Singapura ataupun membawa dua orang lagi bersama-samanya dalam kerata dimana setiap seorang dapat membawa RM40,000 tanpa perlu mengikrar.

[44] Pada hemat mahkamah ini sekiranya ada apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh perayu pada masa tersebut apabila SP7 telah bertanya kepada perayu sama ada terdapat barang-barang untuk diikrar, dan perayu telah menjawab tiada, adalah kesalahan membuat ikrar palsu di bawah s 133 Akta tersebut dan bukan kesalahan mengangkut barang tidak berkastam kerana perayu masih lagi di kawasan pemeriksaan dan bukan belum melimpasi kawasan boleh dikatakan telah melanggar mana peruntukkan kastam.

KESIMPULAN

[45] Mahkamah ini mendapati bahawa tuan majistret terkhilaf apabila memutuskan bahawa pendakwaan telah membuktikan satu kes prima facie pada akhir kes pendakwaan dan juga terkhilaf apabila memutuskan bahawa pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah. Pihak pendakwaan gagal menzahirkan apa-apa kesalahan terhadap perayu sebagaimana pertuduhan. Oleh yang demikian rayuan perayu dibenarkan yang mana dia dilepaskan dan dibebaskan dari pertuduhan ini. Bagi kenderaan SKK 3796 D dan beg *luggage* tersebut dikembalikan kepada perayu dan juga *perayu hendaklah diberi peluang untuk mendapatkan kebenaran BNM dengan mengisi Borang K22* berkaitan dengan wang yang dibawa masuk tersebut dan sehinggalah kiranya pihak BNM memberi kebenaran kepada perayu untuk membawa masuk ke Malaysia maka wang tersebut hendaklah dikembalikan kepadanya.

Rayuan dibenarkan, perayu dilepas dan dibebaskan dari pertuduhan.

Dilaporkan oleh Izzat Fauzan